

SOROTAN DARAT

JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

THE HOUSE JOURNAL OF THE MALAYSIAN ARMY



PROJEK TENTERA
MASUK DESA
LONG KEVOK

KANDUNGAN



2 Dari Meja Editor

ARTIKEL

3 Projek Tentera Masuk Desa
Long Kevok

12 The Linkage Between the Trainer,
the Organisation and Change

15 Field Artillery Survivability

20 Pembangunan Keupayaan Angkatan Pertahanan

27 Motivation in the Malaysian Armed Forces

34 PLPTD - Satu Pengalaman

41 Regional and
World Orders



Front cover: Projek Tentera Masuk Desa
Long Kevok

PROJEK TENTERA MASUK DESA LONG KEVOK



PERMULAAN

Konsep Tentera Masuk Desa (TMD) telah diilhamkan oleh bekas Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Hashim bin Mohd Ali dan penglibatan pihak tentera dalam projek TMD telah bermula dengan pengistiharan yang telah dibuat oleh beliau dalam ucapannya sempena menyambut hari ulangtahun ATM yang ke 57 pada 16 Sep 1990. Rancangan TMD ini dilancarkan bertujuan:

- Membantu kerajaan dalam kerja-kerja pembangunan negara dengan mempergunakan kepakaran dan kemudahan tentera agar dapat memanfaatkan rakyat disegenap lapisan.
- Mempereratkan hubungan baik diantara tentera dan rakyat dengan hasrat untuk memupuk ketahanan nasional bagi memenuhi keperluan pertahanan menyeluruh yang digariskan dalam dasar pertahanan negara.

Perlaksanaan projek TMD sebenarnya bukanlah perkara baru kepada ATM malah ianya merupakan kesinambungan terhadap konsep 'Jiwa Murni' yang telah di implementasikan beberapa tahun yang lalu. Penekanan utama yang diberikan didalam rancangan TMD ini ialah melaksanakan kerja-kerja pembangunan dikawasan-kawasan pedalaman yang mana kemudahan dan pembangunan untuk dilaksanakan oleh agensi-

agensi awam kerajaan menerusi cara-cara konvensional sangat rumit. Kesukaran-kesukaran tersebut timbul disebabkan oleh dua faktor utama iaitu sistem perhubungan yang tidak baik dan juga perbelanjaan yang terlalu tinggi. Kemudahan serta kepakaran yang sedia wujud di dalam ATM membolehkan kerja-kerja pembangunan dilaksanakan dengan lebih teratur dan menjimatkan.

Panglima Wilayah II merupakan penggerak utama dalam memenuhi kehendak dan falsafah TMD di Sabah dan Sarawak. Pihak kerajaan negeri telah memberi sambutan yang menggalakkan di atas beberapa projek-projek pembangunan khususnya di kawasan pedalaman.

Projek-projek besar yang telah dilaksanakan dan di dalam peringkat perancangan adalah seperti

Bil	Jenis Projek	Anggaran Perbelanjaan
(a)	(b)	(c)
1.	Pusat Perkhidmatan Long Kevok	\$ 500,000.00
2.	Pusat Perkhidmatan Mulu	\$ 1,200,000.00
3.	Pusat Perkhidmatan Long Jegitan	\$ 500,000.00
4.	SRK Ba Kalalan	\$ 150,000.00
5.	Jambatan Gantung Tuaran	\$ 40,000.00
6.	Jambatan Gantung Bario	\$ 150,000.00

Setakat ini projek pembinaan Pusat Perkhidmatan Kaum Penan Long Kevok di Bahagian Miri merupakan projek terbesar pernah dilaksanakan melalui rancangan TMD. Ini berdasarkan kepada jumlah bangunan yang dibina, keperluan perbelanjaan dan jumlah anggota terlibat dalam menjayakan projek tersebut.

TUJUAN

Tujuan rencana ini ialah untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai penglibatan pasukan Jurutera serta lain-lain kor dalam pelaksanaan projek TMD Long Kevok.

LATARBELAKANG PROJEK

Long Kevok merupakan sebuah perkampungan masyarakat Penan yang terletak di Ulu Tutoh, Baram di Bahagian Miri. Perkampungan yang terletak jauh dipendalaman ini bergantung kepada dua jenis sistem perhubungan utama iaitu menggunakan pesawat udara dan juga bot serta kenderaan pembalakan. Penerbangan menggunakan helikopter ke kawasan ini daripada bandar Miri mengambil masa selama 40 minit sementara perjalanan menggunakan bot Ekspres/kenderaan pembalakan akan mengambil masa lebih kurang 2 hari.

Penduduk kampung Long Kevok terdiri daripada suku kaum Penan yang hidup secara separuh tetap (semi settled). Jumlah penduduk disini dianggarkan seramai 150 orang sementara jumlah penduduk Penan di perkampungan persekitaran dianggarkan berjumlah diantara 600 - 700 orang. Aktiviti kehidupan mereka tertumpu kepada kegiatan harian mereka iaitu memburu binatang, mengamalkan pertanian pindah serta mencari hasil hutan-hutan sebagai sumber pendapatan. Dengan mengamalkan cara hidup yang sedemikian, taraf hidup masyarakat Penan disini adalah dibawah paras kemiskinan negara. Pendapatan mereka melalui hasil-hasil hutan dan juga buruan telah terjejas dengan kehadiran kegiatan pembalakan di persekitaran perkampungan mereka.

Menyedari hakikat ini, maka pihak kerajaan Negeri Sarawak telah merancang agar satu Pusat Perkhidmatan di bina di Long Kevok bertujuan mendidik serta membimbing masyarakat Penan agar mengubah cara hidup mereka seterusnya memperbaiki taraf kehidupan mereka ke satu tahap yang lebih membanggakan. Sejajar dengan pelancaran TMD, pihak kerajaan negeri telah meminta jasa baik pihak tentera di Wilayah II untuk memenuhi cara-cara ini dengan membina sebuah Pusat Perkhidmatan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas di Long Kevok.

PERLAKSANAAN

Tinjauan. Penglibatan pihak tentera secara fizikal dalam projek pembinaan Pusat Perkhidmatan Kaum Penan Long Kevok bermula apabila satu tinjauan bersama bagi mengenalpasti kesesuaian tapak dan lain-lain keperluan dilakukan pada 2 Mei 91. Laporan tinjauan lengkap telah dihasilkan merangkumi perkara-perkara berikut:

- Keperluan bangunan dan kemudahan.
- Keadaan dan kawasan tapak projek.
- Keperluan sistem bekalan air dan elektrik.
- Rekabentuk dan pelan bangunan.
- Skop kerja.
- Sistem pembekalan bahan binaan.
- Sistem ulangbekal catuan, PMP dan gas.
- Peralatan-peralatan khas.
- Keperluan tenaga kerja.
- Jangkamasa pembinaan.
- Hal-hal pentadbiran.

Keperluan Bangunan dan Kemudahan. Keperluan pembinaan di Pusat Perkhidmatan ini merangkumi struktur-struktur berikut:

- 1 x bangunan sekolah berukuran 20' x 90' yang mengandungi 2 x bilik darjah, 1 x bilik sumber, 1 x pejabat dan 1 x stor.
- 1 x bangunan asrama berukuran 23' x 70' yang mengandungi 2 x bilik asrama (lelaki dan perempuan), 1 x pejabat dan 1 x bilik penginapan penjaga asrama. Bangunan ini juga perlu dilengkapi dengan 'sleeping platform' dan almari pakaian.
- 1 x dewan makan berukuran 23' x 30' dilengkapi dengan bangku dan meja makan.
- 1 x rumah masak berukuran 18' x 38' mengandungi kemudahan memasak yang lengkap serta 2 x stor.
- 1 x bangunan dua tingkat berukuran 35' x 120' yang mana bahagian atasnya mengandungi 4 x berek kediaman yang mempunyai 2 x bilik tidur, 1 x ruang tamu, 1 x dapur dan 1 x bilik mandi/tandas. Tingkat bawah bangunan akan digunakan sebagai 1 x pejabat perubatan serta klinik dan 1 x pejabat pertanian.
- 2 x bangunan tandas berukuran 14' x 5' yang mana tiap-tiap satu mengandungi 4 unit tandas curah.

- 1 x bangunan bilik mandi berukuran 30' x 8'.
- 1 x rumah penjanakuasa berukuran 12' x 12'.

Struktur-struktur lain yang juga perlu dibina merangkumi:

- Laluan pejalan kaki kayu belian.
- Laluan pejalan kaki konkrit.
- Tangki najis.
- Menara air.
- Ampaian kain.
- Papan tanda.
- Tiang bendera.


Kawasan dan Keadaan Tapak Projek. Kawasan projek terletak di Long Kevok iaitu sebuah perkampungan Penan di kawasan pendalaman daerah Baram. Perhubungan utama ke kawasan ini dari Jeti terdekat di Tembalak adalah dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda melalui jalan-jalan pembalakan. Masa perjalanan di jeti tersebut adalah lebih kurang 2 jam merangkumi jarak kira-kira 80 km. Kawasan disekeliling kawasan pembinaan diliputi

hutan-hutan tebal yang merupakan kawasan pembalakan.


Kawasan tapak projek sebenar merupakan satu kawasan bukit yang telah dipotong dan sebahagian besar daripada kawasan ini dikelilingi oleh Sungai Layun dan Sungai Kevok. Keluasan keseluruhan kawasan pembinaan ialah lebih kurang 2.5 hektar.

Sistem Bekalan Air dan Elektrik. Oleh kerana terdapat kemudahan asas seperti bekalan air dan juga tenaga elektrik maka satu sistem pembekalan keperluan tersebut telah diwujudkan sendiri oleh pihak tentera. Sungai Kevok yang jauhnya kira-kira 100 kaki dari kawasan pembinaan telah dijadikan punca air bagi kegunaan harian anggota dan juga untuk digunakan dalam kerja-kerja pembinaan. Disebabkan tebing yang agak tinggi, 32 buah alcon pump telah digunakan serentak bagi tujuan tersebut. Untuk membekalkan tenaga elektrik, satu penjanakuasa elektrik 2.5 KVA telah digunakan. Ianya mampu membekalkan tenaga bagi menggunakan peralatan letrik semasa kerja-kerja pembinaan dan juga bekalan tenaga untuk kemudahan anggota pada waktu malam.

PETA KAWASAN PROJEK



SUSUNATUR KEDUDUKAN BANGUNAN



Rekabentuk dan Pelan Bangunan. Rekabentuk yang digunakan didalam projek ini adalah berdasarkan kepada rekabentuk yang telah dihasilkan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak (JKR). Walau bagaimanapun beberapa ubahsuai telah dibuat dimana difikirkan sesuai untuk memudahkan pembinaan serta untuk disesuaikan dengan bahan binaan yang dibekalkan.

Sebahagian besar daripada bangunan-bangunan telah dibina menggunakan kayu-kayan kecuali bahagian lantai dewan makan, lantai dan dinding rumah masak, lantai bilik mandi dan lantai serta dinding dapur berek kediaman di perbuat daripada menggunakan konkrit. Bumbung bagi kesemua bangunan diperbuat menggunakan 'spandek' dan asbestos.

Skop kerja. Bagi memastikan kelancaran perjalanan projek serta memenuhi kehendak untuk menyiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan, kerja-kerja telah dijalankan mengikut keutamaan. Skop kerja menurut keutamaan adalah seperti berikut:

- **Penyediaan Tapak (Keutamaan 1).** Memandangkan keadaan tanah di kawasan tapak

projek agak rata, maka kerja-kerja tanah yang kecil sahaja terpaksa dilakukan. Selain daripada kerja-kerja merata tapak, pembersihan kawasan daripada semak samun juga telah dibuat.

- **Setting Out (Keutamaan 2).** Kerja-kerja ini telah dilakukan bagi memastikan kedudukan dan bentuk asas bangunan mengenalpasti dengan lukisan kedudukan bangunan yang telah dihasilkan.

- **Pembinaan 4 Buah Bangunan Utama (Keutamaan 3).** Kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan utama telah dirancang untuk dilaksanakan pada peringkat awal meliputi bangunan-bangunan berikut:

- Bangunan bilik darjah.
- Bangunan Asrama.
- Bangunan rumah masak.
- Bangunan dewan makan.
- Bangunan berek kediaman/pejabat pertanian/klinik.

- **Pendawaian Elektrik (Keutamaan 4).** Tugas penugasan pendawaian elektrik perlu dilaksanakan

sebaik sahaja sebahagian daripada 4 buah bangunan utama dapat disiapkan. Ini perlu bagi memastikan kerja-kerja pendawaian dapat berjalan serentak dengan kerja-kerja pembinaan bagi menjimatkan masa kerja.

- **Pembinaan Bilik Mandi (Keutamaan 5).** Pembinaan bilik mandi dijalankan oleh kumpulan yang bertanggungjawab membina bilik darjah sebaik sahaja bangunan tersebut dapat disiapkan.

- **Pembinaan Rumah Penjanakuasa (Keutamaan 6).** Oleh kerana pembinaan bilik mandi tidak memerlukan satu jangkamasa yang lama, maka anggota yang telah selesai membina akan meneruskan kerja-kerja mereka untuk membina rumah penjanakuasa.

- **Pembinaan Tandas dan Kemudahan Infrastruktur (Keutamaan 7).** Ini meliputi kerja-kerja pembinaan 2 buah bangunan tandas dan juga lain-lain kemudahan yang perlu diadakan di pusat perkhidmatan ini. Ianya merupakan kerja-kerja pembinaan yang terakhir.

- **Pembersihan Akhir (Keutamaan 8).** Ianya merangkumi tugas-tugas pembersihan terakhir kawasan pembinaan dan juga persiapan keanggotaan dan peralatan sebelum pergerakan keluar anggota dari kawasan projek setelah semua kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Sistem Pembekalan Bahan Binaan. Urusan mendapat serta menghantar bahan binaan ke tapak projek telah dipertanggungjawabkan kepada pihak Residen Miri. Barang-barang 'hardware' telah dibawa ke kawasan projek dari Miri ke Jeti Tamalak menggunakan bot sementara dari Jeti ke Long Kevok menggunakan trak pambalakan.

Kayu-kayan pula diperolehi daripada kem pambalakan berdekatan. Kayu-kayan ini telah dibelah di kawasan tersebut menggunakan gergaji rantai (chain-saw). Oleh kerana kayu-kayan yang dibekalkan bermutu rendah dan tidak menepati saiz yang diperlukan, maka anggota-anggota tentera telah sekali lagi terpaksa membelah dan mengetam semula sebaik sahaja kayu-kayan tersebut diterima di kawasan projek.

Semua senarai keperluan bahan binaan telah dihasilkan berdasarkan kepada lukisan rekabentuk yang dikeluarkan oleh pasukan jurutera. Ditapak projek segala penerimaan dan pengeluaran bahan binaan dikendalikan oleh seorang PTT Kanan yang berkelulusan KMSK.

Sistem Ulangbekal Catuan, PMP dan gas. Sepanjang penglibatan didalam projek TMD Long Kevok, segala urusan ulangbekal telah dibuat melalui 10 RAMD yang berpangkalan di Miri. Ulangbekal dibuat pada setiap 14 hari menggunakan pesawat TUDM-NURI dan melalui penguguran udara menggunakan pesawat TUDM-Caribou. Di dalam setiap ulangbekal catuan tempur untuk kegunaan 12 hari serta catuan basah dan kering untuk kegunaan 2 hari di hantar ke kawasan penempatan. Sekurang-kurangnya 2 sortie penerbangan NURI diperlukan untuk setiap ulangbekal. Ulangbekal PMP dan gas dibuat sekali dalam masa satu bulan menggunakan tongkang dan juga trak-trak pambalakan.

Keperluan Peralatan Khas. Beberapa peralatan khas telah dikemukakan untuk dibekalkan oleh pihak kerajaan negeri sebelum projek dimulakan. Ini bertujuan melicinkan pelaksanaan projek serta menepati jangkamasa pelaksanaan yang telah ditetapkan.

Tenaga Kerja. Jumlah keseluruhan tenaga kerja yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini ialah 3 x pegawai dan 100 x LLP. Daripada jumlah tersebut 2 x pegawai dan 60 LLP adalah dari 10 Skn Jutra, 1 x pegawai dan 20 x LLP dari 10 RAMD dan 20 x LLP dari 2 Renjer DiRaja. Selain daripada anggota-anggota tersebut, pegawai dan anggota dari Kor Kesihatan dan Kor Agama Angkatan Tentera telah dimasukkan ke kawasan projek dari masa ke semasa untuk memberi perkhidmatan kepada anggota-anggota tentera dan juga masyarakat Penan di Long Kevok serta perkampungan dipersekitarannya.

Jangkamasa Projek. Di dalam perancangan, projek ini dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh 90 hari kerja. Berdasarkan kepada tempoh tersebut, projek yang telah dimulakan pada 1 Jun 91 dijangkakan akan dapat disiapkan pada 31 Ogos 91. Walaubagaimanapun diatas sebab-sebab tertentu seperti kelewatan penerimaan bahan binaan, projek ini hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada 4 Dis 91.

Serah Menyerah. Projek ini telahpun disiapkan pada 4 Dis 91 dan upacara perasmian dan serah menyerah projek telah dibuat pada 20 Jan 92. Untuk menyerikan perasmian Pusat Perkhidmatan ini YB Dato' Seri Haji Najib bin Tun Haji Abdul Razak iaitu Menteri Pertahanan telah melapangkan masa untuk menyerahkan projek ini kepada YB Datuk Abang Abdul Rahman Zohari bin Datuk Haji Openg iaitu Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Sarawak mengenai Kaum Penan. Turut hadir ialah Panglima Angkatan

Tentera Jen Tan Sri Hashim bin Mohd Ali, Panglima Wilayah II Mej Jen Dato' Abdul Manap bin Ibrahim dan Dif-dif Kenamaan.

PELAJARAN YANG DIPEROLEHI

Pada amnya, berbagai-bagai jenis masalah telah timbul dari beberapa aspek seperti bahan binaan, perhubungan dan masalah-masalah pentadbiran. Walaubagaimanapun, dengan kegigihan dan ketabahan anggota-anggota tentera dalam projek ini telah dapat melaksanakan dengan jayanya. Beberapa pelajaran yang didapati hasil dari pelaksanaan projek ini ialah:

- **Perhubungan.** Di dalam pelaksanaan sesuatu projek yang agak besar dan melibatkan keanggotaan yang ramai satu sistem komunikasi yang baik mestilah diwujudkan. Penglibatan didalam projek TMD yang pada kebiasaannya terletak di kawasan terpencil sepatutnya mempunyai sistem perhubungan seperti berikut:

- Sistem telefon mudah alih sebagai tambahan kepada sistem perhubungan biasa menggunakan komunikasi radio. Ini akan dapat mewujudkan perhubungan terus diantara pegawai tapak dan agensi-agensi awam.

- Sekurang-kurangnya sebuah kenderaan yang bersesuaian ditempatkan di kawasan projek bagi memudahkan perhubungan di dalam mengendalikan masalah pentadbiran dan kes-kes kecemasan.

- **Bahan-binaan.** Pihak yang menguruskan pembekalan bahan binaan seharusnya mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan perkara-perkara berikut:

- Bahan binaan yang di hantar oleh pembekal mestilah mengikut spesifikasi yang terdapat didalam dokumen tender/sebutharga. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelaksanaan kerja menjadi lambat.

- Penghantaran bahan binaan mestilah dibuat oleh pihak pembekal mengikut jadual penghantaran yang dikeluarkan. Anggota tentera hanya masukkan ke kawasan projek setelah kesemua bahan binaan sampai di tapak projek.

• Pentadbiran

- **Catuan.** Pihak-pihak berkenaan mestilah menentukan agar makanan anggota-anggota projek bersesuaian dengan tugas berat yang dilaksanakan. Penggunaan catuan tempur untuk tempoh melebihi 4 bulan dianggap tidak bersesuaian dan memberi kesan negatif terhadap kesihatan dan moral anggota.

- **Hiburan.** Perkara-perkara riadah mestilah diberi perhatian wajar sebagai kebajikan anggota bagi menjaga moral dan juga mengelakkan daripada timbulnya masalah sosial.

- **Waran/Sijil Ketidadaan.** Perkara ini seharusnya diperuntukan kepada anggota projek yang terpaksa keluar dari kawasan projek untuk urusan mendapatkan bahan binaan dan sebagainya. Ini perlu bagi anggota-anggota daripada terpaksa menggunakan wang persendirian semasa menjalankan tugas tersebut. Perkara ini juga perlu dalam pengendalian kes-kes kecemasan.

PENUTUP

Secara keseluruhan projek TMD Long Kevok telah dapat dilaksanakan dengan memuaskan. Dengan terbinanya Pusat Perkhidmatan ini masyarakat Penan yang kebanyakan buta huruf pada hari ini, telah mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang didirikan untuk menimba ilmu pengetahuan. Keadaan kesihatan mereka juga menjadi lebih baik dengan adanya Klinik Desa untuk memenuhi keperluan mereka. Disamping itu juga, dengan adanya pejabat pertanian di Pusat Perkhidmatan ini, kaum Penan akan dibimbing kerja-kerja yang boleh mendapatkan pendapatan yang lebih baik.

Bagi ATM pula, projek TMD Long Kevok telah membuktikan keupayaannya untuk berganding bahu dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam membangunkan negara. Ianya juga telah berjaya merapatkan hubungan diantara tentera dan rakyat untuk memupuk ketahanan nasional bagi mencapai keperluan pertahanan menyeluruh dalam dasar pertahanan negara.

**"TENTERA DAN RAKYAT BERSAMA
MEMBANGUNKAN NEGARA"**

*Sumbangan:
Jabatanarah Jurutera*

The Linkages Between the Trainer, the Organisation and Change

"Progress is impossible without change; and those who cannot change their minds cannot change anything"

- George Bernard Shaw -

INTRODUCTION

The Training and Development Department (or sometimes called the "trainer") is a familiar sub-group in most organisations. Why? Because the people of any organisation are like water put into the coffee machine: for their output to be acceptable, they must change from what they were when they reported for work, using the materials in an approved fashion and allowing the organisation to reach its desired output. Though primarily concerned with people, the trainer is also concerned with technology, materials and time, and other aspects and the final outcome is that the organisation requires work to be done in order to produce this output. Since organisations can rarely secure people who are, at time of employment total experts of their unique requirements, organisations need a subsystem called training to help them in the mastery of their tasks. That raises the question, "What about people who have been doing their present jobs properly - but no longer does so?" It is certainly true that these people are not meeting the established standards of performance but will training do them any good? Not really. Their non performance could be due to lots of varied reasons thus, it is amongst others, one of the responsibilities of the trainer to identify, evaluate and analyse and bring about a desired effect which we term as "change" employing learning experiences (knowledge, skills and attitudes) so as to attain the organisational goals and objectives accordingly.

AIM

The aim of this paper is to examine the linkages between the trainer, the organisation and change.

SCOPE

The scope of the paper will cover the following:

- What are Organisations?
- Change - What is it?, Who and Why organisations want it?

- The Trainer as the Change Agent in Organisations.
- Conclusion.

WHAT ARE ORGANISATIONS?

Organisations can be viewed as a system with units and components that are interrelated and interdependent forming an entity to achieve common goals and objectives. They need inputs such as resources for example raw materials, money, machines, methods and manpower for their existence and they also have to take into consideration constraints under which they function. The inputs are then "processed", that is functions in accomplishing the work, in order to obtain an output. These functions include planning, organising, communicating, interacting and working. The output will be the resultant goods or services that will meet the objectives of the organisation and impacts of these outputs in fulfilling the goals of the organisation are its outcome. To determine to what extent organisational objectives have fared so that remedial or corrective actions can be taken, feedbacks need to be obtained by whatever available means. Boundaries within which organisations operate will differentiate themselves from others and anything outside these boundaries that will influence the organisations directly or otherwise is the environment and these include amongst others, technological changes, political, social, demographic or economic situations.

Effective organisations are ones that are able to cope with and survive in ever changing surroundings and environments and are able to achieve its goals come what may. These organisations are also capable of maintaining itself internally in-house and are able to resolve its conflicts as and when they occur so as to maintain internal cohesion all the time.

CHANGE

The problems and challenges of change may be many. But so are the benefits. At the recent First Annual

Management Awards for Outstanding Companies in the fields of Marketing, Information Technology, People Development, Financial and Operations Management organised by the Asian Institute of Management and the sponsorship of Acer Incorporated, the winners for all their achievements, by most indications, have their best years still ahead of them. If they are equal to the challenges that lie before them, they will develop new strengths, new capabilities and in a very real sense, rich in potential, secure in their identities, confident of the future and poised on the brink of destiny. And one of the most important traits of all these outstanding Companies is their ability to adapt quickly to a sudden change in the environment without losing its composure or its identity.

Bank Niaga of Indonesia in the category of General Management displayed quick adaptations to changing banking environment brought about by deregulations and with a well balanced approach of innovation and conservatism, the company was transformed into an information-based, constantly gathering, updating and analyzing customer information to form the basis for further innovation and service. Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), the producer and marketer of the National car, the Proton Saga, was virtually against all odds in its nurturing stage but which has now proven its value in more competitive environments is another fine example of the effect of change in the local vehicle industry.

The goal for Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM), has been "For every problem, a technological cure and for every opportunity, a technological response." Although investments were heavy initially, STM has never looked back. Customer Automated Service Systems (CASS), videotext, packet switching, TEGAS (a human resource management system), SISWANG (an accounting management system), ACES (an architectural CAD system), SIKIS (a materials forecasting system), FLEET (a vehicle fleet management system) and so on is on their inventory. What next - only time will tell.

Quoted are only a few examples of organisations where change has brought about resultant effects to the environment under which they operate. Profitability, customer satisfaction, corporate leadership, planning and control, community relations, sales volumes, market leadership, marketing innovation, information technology (IT) enhancing efficiency, productivity, synergy and competitiveness, pervasiveness of IT use, type of technology used, excellence in the management and development of people in the organisation, gearing towards productivity, professional and tech-

nological development are just some indicators of these successes as a result of change or wanting change for the betterment and enhancement of the quality of life.

"All great changes are irksome to the human mind, especially those which are attended with great dangers of uncertain effects" John Adams

THE TRAINER - THE CHANGE AGENT IN ORGANISATIONS

The Trainer as The Facilitator of Learning. A professional that he is, facing the challenging task of training and the role that he plays, the trainer will definitely and surely make an effective and positive contribution to the organization he comes from. As a facilitator, he utilises all abilities and available resources in order to provide the best access to the knowledge and skills that the training is designed to impart with a view of achieving corporate goals and aspirations. As a designer of training programmes, this change agent with, will be responsible to identify organisational problems to meet its needs. His knowledge of learning theories will enable him to select methods and media to form the training programme so as to achieve organisational objectives. As a developer of instructional strategies, much can be impacted by his using different strategies in terms of methods, materials, techniques and devices, each with varying impact so as achieve maximum results from the adult learning processes. An instructor and a counsellor for which he is sometimes referred as, he himself will also be involved in analysing and responding to the learners needs and helping them to adapt accordingly to the strengths and weaknesses of the training design.

The Trainer as a Manager of Training Programs. As a developer of personnel (HR Policy), the trainer must determine the kinds of training programs that should be provided so as to increase the effectiveness of the learning programs to achieve training objectives. As a supervisor of on-going programs, he also has the task of ensuring its successful implementation and evaluation thereafter, so as to make amends as and whenever necessary. Adequate training support, facilities amenities and finance which contributes to the success of the running of training programs are equally the trainer's responsibilities. In the nutshell, he being the manager, will have to ensure through the various processes of management, the well being of the trainees so as to achieve a conducive environment to facilitate the adult learner to change and learn along its way.

The Trainer as a Consultant. Being the expert as he is, the trainer must be able to suggest options to the

management of organisations to deal with problems as and when necessary. As a change agent, he identifies the need for methodology to bring about change, especially through Human Resources Development (HRD). Performance problems are to be critically analysed and solutions recommended accordingly.

The Trainer as a Researcher. Determining training needs and evaluating its impact that is essential to the growth of the organisation is surely one of the critical roles of the trainer. As a researcher, studying and evaluating the impact of training on job performance within the organization, fulfilment of course objectives, participant expectations and the cost and benefit of the learning programs with a view of resultant positive change in work performance in relation to organisational objectives is achieved.

CONCLUSION

Training must result in positive change in the work performance of the trainees and it must fulfill the cognitive (knowledge), psychomotor (skills), and affective (attitudinal) needs of the trainees in relation to the organisational needs. The effective trainer is one who is able to ensure that the training efforts of the organisation has its pay-offs. The roles he plays, as elaborated above, will only label him the agent of change in all aspects. He must be able to bring about this change in the trainee so as to ultimately work towards achieving organisational goals and objectives.

"Changing a culture is not a matter of teaching people a bunch of new techniques, or replacing their behavior patterns with new ones. It is a matter of exchanging values and providing the models. This is done by changing attitudes."

-Philip B. Crosby-



BIODATA - MAJ HAJI MUHAMMAD BIN ABDULLAH

Maj Haji Muhammad bin Abdullah was commissioned into the Royal Regiment of Engineers from the Royal Military College on 25 Feb 68. Throughout his military career, he has held various command and staff appointments. He attended the Malaysian Armed Forces Staff College, Haigate in 1989. Presently, he is the SO 2 Trg (Analysis and Evaluation) in the Training Branch, Department of Army and also Chief Editor of the Sorotan Darat.

"Mistakes"

The greatest mistake you can make in life is to be continually fearing you will make one.

- Elbert Hubbard

Knowledge rests not upon truth alone, but on error also.

-Carl Gustav Jung

We make progress if, and only if, we are prepared to learn from our mistakes.

- Karl R Ropper

FIELD ARTILLERY SURVIVABILITY

BY
MEJ HEERA SINGH

INTRODUCTION

The recent Gulf War has served to reemphasise and reiterate the fact that Field Artillery plays and will continue to play a major role in any future conventional conflict. Field Artillery with its massive fire power, will be able to enhance ground forces operations by neutralizing enemy targets prior to any manoeuvre. This is done through the interdiction and counter battery fire process. Once the operation gets underway, close fire support will be an integral part of the missions provided to the ground forces. Time and time again this simple formula has been proven successful in battle.

This ability of the Artillery to tilt the outcome of a battle has however, not gone unnoticed. Field Artillery is currently high on the priority list of targets of all field commanders. The neutralization of the opposing artillery will provide any commander with a decisive edge in any conflict. This is especially so when artillery is a scarce resource on the modern battle field.

It is for these reasons that in the past decade, Field Artillery survivability has become a topic of vital

concern to armies in general and the artillery in particular. Staying alive and providing vital fire support is now an integral part of Field Artillery tactics.

It would be pertinent at this point to define what we mean by "survivability". Survivability in the artillery context means the ability to sustain and maintain a percentage of the field artillery force that will be able to provide the minimum fire support to the supported force. This means that in any conflict there would be the expected artillery losses. The aim would however be to minimise these losses so that the supported force will be able to receive the minimum if not more fire support at all times.

THE THREATS

In a conventional scenario, other than the nuclear threat, the main threats to artillery will come from the following:

- a. Air threat.
- b. Artillery threat.
- c. Ground forces threat.
- d. Electronic threat

Air Threat. The Gulf War proved that artillery is highly vulnerable to the air threat. The Americans exploited their air supremacy to the maximum and used all major aerial platforms to destroy Iraqi artillery. The USAF-A10 combat aircraft and attack helicopters were used extensively to destroy Iraqi gun positions. At the same time, remotely piloted aircraft and the OH-58D scout helicopter were used to complement mortar/gun locating radars in pin pointing gun positions, to within minimum margins of error. This enabled the follow up fixed wing or rotary aircrafts to strike within seconds of the indirect fire positions being located. The results were devastating. As quoted from an article in the *International Defence Review*, "Most Iraqi artillery commanders therefore had only two choices, stand in place and be destroyed or abandon the guns and survive".

Artillery Threat. The artillery against artillery duel is always a crucial part of any conventional operation. In fact the Russians see the enemy's artillery as the greatest threat to their own artillery on the modern battle field. It can be safely said that the main enemy and threat of the artillery is the opposing artillery.

This is especially so with the new high tech ammunition that the Americans used in the Gulf War like the copper head and other laser guided projectiles. These ammunition proved to be very accurate and very effective. As long as the target acquisition devices were able to give accurate target locations, these projectiles had the ability to strike and hit the targets most of the time.

Ground Forces Threat. On the modern battle-field it can be expected that artillery units may come under ground attack occasionally. This may be in the form of attacks by swift moving infantry supported by tanks or raids conducted by special forces. It is for these reasons that all artillery units have a local defence plan when deployed and do also have static tank firing positions. The ground threat, although not as serious as the air and artillery threat, still merits serious concern.

The Electronic Threat. Radio electronic combat support is an essential element of enemy intelligence and embraces all electronic warfare resources. Agencies will be directed to intercept and jam artillery communications. They will also be used to neutralise target acquisition devices and surveillance systems. The end effect is twofold. Firstly they will be able to pin point our locations and secondly, they will be in a position to disrupt our communications during crucial

stages of a battle. Both these actions will serve to disrupt the fire support process and will therefore influence the immediate battle.

SURVIVABILITY TACTICS

To counter and overcome these threats, the artillery employs certain tactics. These tactics are employed to suit the tactical situation and are sometimes employed in combination. The tactics used are the following:

- a. Movement.
- b. Dispersion
- c. Hardening/Camouflage.
- d. Deception

Movement. The first rule of survival is to avoid detection, and the best method is to move as many times as possible from gun position to gun position. There are two types of movement done by the artillery. The first type is movement in response to tactical requirements and the second type of movement is movement done strictly to avoid detection and thus counter battery fire. These movements and deployments must be kept to the minimum during the day. A battery may be allocated an area of about 2-3 kilometers square and all movement will be confined to within the area allocated.

Movement does however have its disadvantages. The more a fire unit moves, the less it will be able to provide fire support which is its primary task. In addition to this, movement will also affect logistic support, security, communications and firing accuracy. The problem of fatigue will also come about, as gun crews will be hard pressed to conduct moves every four to five hours. This is especially so with towed guns or howitzers. The use of self propelled guns will offer great advantages here. This is because a battery of 155mm self propelled guns requires five times less time than a similar towed battery for movement from a primary position to a temporary one and subsequent readiness to fire.

Dispersion. By dispersion is meant the spreading out of the fire unit over an area as wide as possible but still capable of carrying out its tasks of providing fire support as a combat entity. Dispersion can be done in two ways. Firstly, it is done by spreading the individual guns and secondly, it is done by spreading the troops in a battery. The over-riding concern must always be that, although dispersed, they must be able to carry out their tasks as a fire unit. It has been proven that separate troop positions reduce the danger of


counter battery fire by as much as six to one. Enemy target acquisition devices may be deceived and ammunition expenditure will increase with enemy guns having to engage two targets rather than one.

Dispersion however has its setbacks, notably in local defence and command and control. A larger battery area will obviously be more difficult to defend. A large spread of guns may also create technical problems in terms of survey and accuracy of firing.

Hardening/Camouflage. Hardening here includes digging in, the building of parapets, the occupation of built-up areas and the use of camouflage and concealment.

Hardening takes up a lot of time as proven in a recent British exercise. It took a British battery 24 hours working full time to dig in and build six Abbots and two command posts respectively. This was in spite of assistance from two engineer wheeled tractors. This example clearly exemplifies the difficulty of hardening for the artillery. This is however the preferred method for survivability in countries like Pakistan, Netherlands and Denmark. The concept of hardening is based on the fact that the enemy may have detected the battery position but is not able to completely neutralize the position due to the fact that the battery is being dugged in. The graph illustrates the reasoning behind this concept. Tests have shown that the first two minutes of fire is most effective and this effectiveness declines with time.

Graph 1. The effect of artillery fire in relation to time.



Note:

- 50 is an arbitrary figure on the effect scale to illustrate initial effectiveness of fire.
- 7 is an arbitrary figure on the time scale and it serves to illustrate that effectiveness of artillery fire declines with time.

The disadvantages of hardening is that it is easy to detect the gun position since movement is kept to a minimum. It is also difficult to practise hardening in a fluid situation where there is a necessity for the artillery to move often. Hardening also requires a large amount of defence stores which may strain the artillery logistics chain. Camouflage makes it more difficult to detect but it increases the time required to move. Digging reduces the effects of enemy artillery but the required engineer assets will be hard to obtain during any conflict.

Deception. Deception is the use of measures to deceive the enemy as to the actual locations of gun positions. These measures have been used with varying degrees of success for years. During the Falklands War for example, the Argentinians employed dummy howitzers to great effect.

Deception is usually planned and carried out at higher formation level. This is due to the fact that the deception plan must conform to the overall tactical plan to make it more believable. It must also not jeopardise the tactical plan. Secondly, due to the resources available, higher formations can embark on a deception plan more effectively.

This however, does not mean that at lower levels it should be neglected. For example, dummy howitzers are not a necessity. Camouflage nets set up in a typical battery formation can present a strong indication that an artillery unit is present. A little innovation on the part of commanders by scattering ammunition boxes and having vehicles drive through the area to leave tyre tracks will make the position a more believable dummy position. Radio transmissions will then add to the deception.

There are however limitations to the use of deception. It is difficult to be undertaken in an impromptu manner. Detailed planning is essential and resources must be available. Another criticism of deception is that it takes too much time to implement.

THE FUTURE

It is clear that Field Artillery will play a bigger role in the future battle field. The development of weapon systems has made the artillery the "arm of decision" by giving them that decisive edge or advantage in any future battle. Artillery will be in a position to alter the ground rules and dictate the terms of battle in future conflicts.

Survivability will however play a paramount role in the design of future artillery delivery means and

ammunition. Survivability is vital as future battles will:

- a. Extend over large areas and this will place increased demands on the artillery's mobility and range.
- b. Due to the increased mobility of combat units, artillery units themselves will have to have greater mobility, greater speed and shorter reaction time.
- c. Due to the new high tech ammunition, the Artillery will play a very important anti-armour role in the future.
- d. The threats to artillery survivability will demand that future artillery be designed having greater mobility and accuracy.

The MLRS (multi-launcher rocket system) is presently showing the way to the problem of survivability for the Artillery in the future. The design of this weapon system is such that it does not remain static. It establishes what are called roving positions from which it is able to release its rockets in minimum time and then proceed to the next roving position or move to a prepared logistics area to be refitted with new rockets. It comes as no surprise therefore that during the recent Gulf War, no MLRS was declared inoperable through any form of enemy action.

It is most likely that future delivery systems will be designed to incorporate the features of the MLRS. This does not however mean that the threat to artillery will completely be overcome. It means however that a higher percentage of artillery will survive and therefore be in a position to provide vital fire support to the ground forces.

CONCLUSION

The past ten years has witnessed great debate in the military in regards to artillery survivability. Having identified the threats as coming from the air, enemy artillery, ground forces and electronic measure, the artillery community is under-taking a reappraisal of traditional practices in an effort to decrease artillery vulnerability on the modern battlefield. These threats are real and have proven to be devastating as seen during the Gulf War.

There are however measures that can be undertaken to overcome some of these threats and these measure include movement, dispersion, hardening and deception. There is debate going on as to the best

method but it is overwhelmingly agreed that a combination of these measures would be most effective. All these measure are however not without costs, both in terms of financial implications and in terms of advantages and disadvantages.


Artillery commanders on the ground must use these measures innovatively such that they conform to the overall tactical situation and does not jeopardise the primary task of providing fire support. Commanders must also realise that these survivability tactics are vital in any conflict. The greater the artillery losses, the more the balance tilts in favour of the enemy.

One of the major factors that will influence the future design of artillery will be the survivability aspect. Delivery means i.e guns howitzers be designed to have greater mobility, accuracy and shorter reaction times.

The outcome of battles will be influenced to a great extent by the amount of artillery firepower that a commander has at his disposal. For the artillery to provide this vital firepower, it needs to survive. Survivability tactics will therefore greatly influence the deployment and employment of field artillery in battle both at present and in the future.

REFERENCES

1. Colonel B. Adair Robert, I think, therefore I survive, *Field Artillery Journal*, January-December 1985, p. 18.
2. Lt Col B. Adair Robert, Division Artillery survivability, *Field Artillery Journal* January-February 1981, p. 46.
3. Major Daytonm, Keith W, Field Artillery Survivability: The Soviet Perspective, *Field Artillery Journal*, September-October 1981, p. 30.
4. Lt Col Hudson MJH, Survive to Fight, *Field Artillery Journal* January-December 1981, p. 30.
5. Colonel Mc Veigh Andrew J., Your Right to Survive, *Field Artillery Journal* May-June 1983, p.8.
6. Sergeant First Class Sharp Charles C, Survivability for Sophomores, *Field Artillery Journal* January-February 1985, p. 40.
7. The Gulf War in Review, *International Defense Review*, Vol 24, May 1991.



BIODATA - MEJ HEERA SINGH (370412)

Mej Heera Singh was commissioned from the Indian Military Academy Dehradun, into the Royal Artillery Corps on 20 Dec 75. He has held various command and staff appointments at regimental and Ministry levels. He attended the Malaysian Armed Forces Staff College, Haigate in 1990 and is at present holding the appointment of SO 2 Doctrine in the Artillery Directorate.

"Kebenaran"

*Jalan itu sangat banyak
Tetapi jalan kebenaran hanya satu
Dan yang pergi berangkat
Jejalan kebenaran itu satu-satu*

*Manusia itu lalai
Apa dimaksudkan dengan mereka
Sebahagian besar tidur terkulai,
Jalan kebenaran sampai terlupa*

"Tauladan"

*Janganlah engkau melarang suatu pekerti,
Sedang engkau sendiri melakukannya,
Malulah kepada diri sendiri,
Dilihat orang engkau sendiri melakukannya!*

"Niat"

*Orang yang memperolehi penyakit,
Rasa pahit pada mulutnya,
Maka akan rasa pahit,
Air pancuran yang lazat cita rasanya.*



PEMBANGUNAN KEUPAYAAN ANGKATAN PERTAHANAN

OLEH
LT KOL MOHD KAMAL OMAR

*"...to be made primarily with regard to the international environment and covering such matters as the size and composition of the state's armed forces as well as their geographic deployment and actual use ... identified as those with predominantly domestic political content and include questions of the size and distribution of the defence budget, military personnel policies (pay, recruitment and retention), supply and the organizational format of the defence establishment."*¹

Samuel P. Huntington

Terdapat ramai pemerhati-pemerhati berpendapat bahawa telah menjadi satu aliran dunia untuk mempertingkatkan pembangunan ketenteraan termasuk membekalkan kelengkapan-kelengkapan yang lebih merbahaya dan lebih sofistikated, dan kini seolah-olah membawa dunia ke arah "militaristic societies" yang boleh menimbulkan "inter-state rivalries."²

Kepada kebanyakan negara-negara, masalah ini tidak dapat dielakkan dengan adanya permusuhan yang boleh mengancam (ancaman dari luar) keselamatan negara. Berasaskan pada kewujudan ancaman-ancaman ini, pembangunan kenteraan dipertingkatkan dari masa ke semasa, mengikut suasana keadaan, dan keadaan seumpama ini memudahkan lagi pihak pemerintah

(kerajaan) untuk mengemukakan alasan-alasan yang munasabah dan boleh diterima oleh rakyat, atas sebab-sebab sebenar alat-alat kelengkapan tersebut dibekalkan.

Ada juga di kalangan setengah-tengah pihak yang berpendapat bahawa:

*"National security is but as a term of rhetoric, a tool of propaganda employed by governments to camouflage oppressive policies and aggressive behaviour."*³

